



31 Januari 2013
31 January 2013
P.U. (A) 30

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN
BAGI KOS PENEMPATAN SEMULA BAGI SYARIKAT
BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR RELOCATION COSTS FOR
TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE STATUS COMPANY)
RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PENEMPATAN SEMULA BAGI SYARIKAT BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah seperti berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Penempatan Semula Bagi Syarikat Berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“kos penempatan semula” ertinya kos penempatan semula ditetapkan dalam Jadual bagi Kaedah-Kaedah ini;

“penempatan semula” ertinya memindahkan kesemua atau sebahagian operasi perniagaan syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* dari luar Malaysia ke *Tun Razak Exchange* atau dari tempat lain di Malaysia ke *Tun Razak Exchange*;

“syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*” ertinya—

(a) institusi berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] yang menjalankan perniagaan bank atau perniagaan bank saudagar atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;

- (b) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] yang menjalankan perniagaan insurans atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (c) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*] yang menjalankan perniagaan perbankan Islam atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (d) syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*] yang menjalankan perniagaan takaful atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (e) syarikat yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];
- (f) seorang, selain daripada individu, yang merupakan orang berdaftar di bawah seksyen 76 atau 76A Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

diluluskan oleh Menteri;

Tun Razak Exchange

3. *Tun Razak Exchange* ertinya kawasan yang di rujuk dalam pelan pembangunan diluluskan bagi *Tun Razak Exchange* atas sebahagian Lot 1164, Lot 1207, Lot 1209, Lot 1210, Lot 1217, PT 122 Seksyen 62, Lot 205 – lot 208, sebahagian Lot 209, Lot 733, Lot 956, Lot 1309 – Lot 1311, Lot 1313, Lot 1314, Lot 1393, Lot 1364, PT 86, PT 109 – PT 121, PT 123 Seksyen 67 di Jalan Tun Razak/Jalan Davis, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur termasuk mana-mana pertukaran berikutnya sebagaimana diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Potongan

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), dalam menentukan pendapatan larasan syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan potongan bagi kos penempatan semula yang telah dilakukan oleh syarikat *berstatus Tun Razak Exchange Marquee* untuk menempatkan semula kesemua atau sebahagian perniagaannya ke *Tun Razak Exchange*, dengan syarat penempatan semula itu dilakukan tidak lewat dari 31 Disember 2020.

(2) Kos penempatan semula hendaklah disifatkan telah dilakukan pada tahun taksiran syarikat *Tun Razak Exchange Marquee* mula menjalankan semua atau sebahagian daripada perniagaannya di *Tun Razak Exchange Marquee*.

(3) Potongan di bawah subperenggan (1) hendaklah berkenaan dengan kos yang tidak boleh diberi potongan di bawah subseksyen 33 (1) Akta.